

## **Sabah Ports, SOGDC Materai MoU Bagi Operasi Pelabuhan di SOGIP**

**Bernama**

**Jun 23, 2014**

KOTA KINABALU, 23 Jun (Bernama) -- Sabah Ports Sdn Bhd (SPSB) dan Perbadanan Pembangunan Minyak dan Gas Sipitang (SOGDC) hari ini menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) untuk meningkatkan operasi pelabuhan di Taman Perindustrian Minyak dan Gas Sabah Sipitang (SOGIP).

Menerusi MoU itu, SPSB, yang kini mengendalikan lapan pelabuhan, akan beroperasi dan menguruskan operasi pelabuhan di SOGIP, yang terletak di tapak seluas 4,065 ekar (1,645 hektar), untuk membolehkannya menjadi tumpuan utama bagi pelaburan minyak dan gas baharu di kawasan segi tiga Sabah, Brunei dan Labuan.

MoU berkenaan ditandatangani Pengarah Urusan SPSB Datuk Dr Fowzi Razi dan Pengurus Besar SOGDC Abdul Kadir Abdullah.

"Saya yakin usaha sama ini akan memberi inspirasi kepada lebih banyak aktiviti inovatif bersama dalam kalangan syarikat berkaitan kerajaan pada masa akan datang untuk memacu sektor minyak dan gas di Sabah ke tahap yang lebih tinggi," kata Ketua Menteri Datuk Seri Musa Aman, yang menyaksikan permeterian tersebut.

Musa yang juga Menteri Kewangan negeri berkata SOGIP, yang telah diluluskan pada awal 2011, telah menarik pelabur tempatan dan asing dalam sektor minyak dan gas untuk meninjau peluang pelaburan disediakan di lokasi.

Terdahulu, Dr Fawzi berkata perkongsian berkenaan akan meningkatkan ekonomi negeri terutamanya dalam industri minyak dan gas serta membantu matlamat SOGDC untuk menjadikan SOGIP sebagai hab penting untuk aktiviti petrokimia di rantau ini.

"Sumbangan SPSB ini amat penting untuk memastikan aktiviti import dan eksport akan dikendalikan dengan cekap dan kejayaan SOGIP sebagai taman perindustrian minyak dan gas utama dari segi pilihan bagi petrokimia berasaskan pertanian di Asia Pasifik," kata Abdul Kadir.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1048622>